



سوروهنجاي قرسايشن برونئي دارالسلام
COMPETITION COMMISSION
BRUNEI DARUSSALAM

PRESS RELEASE COMPETITION COMMISSION BRUNEI DARUSSALAM

CCBD Fight Bid Rigging Campaign: Deter, Detect and Report

Date: 29 January 2022

1. Bid rigging in public procurement, is a serious offence, which carry a fine of a penalty of up to 10 per cent of business turnover for a maximum period of three years, under Section 11 of the Competition Order 2015. Bidders in public tenders must compete by submitting bids independently, without coordinating, communicating or conspiring with competitors to limit or eliminate competition in the bidding or tendering process. This was highlighted by the Competition Commission Brunei Darussalam (CCBD) at a *Bid Rigging Dialogue Session*, attended by the management and senior officers of the Department of Road at the Public Works Department (JKR), Ministry of Development, held recently.
2. Also in attendance was the Chairperson of CCBD, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, Commissioner Yang Mulia Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim and Acting Director General of the Public Works Department, Yang Mulia Ir. Awang Haji Md Salleh bin Haji Abd Karim.
3. Bid rigging is a form of collusive or cartel activity with uncompetitive business practices that unlawfully prevent or reduce competition in a marketplace. Fighting Bid Rigging in public procurement has been a priority

of the CCBD work plan and will continue to be the key agenda in 2022, due to its implications, not only in the wastage of government resources but can also discourage entry by competing businesses, and erode confidence in competitive procurement processes.

4. The closed-door dialogue session was part of the *CCBD Bid Rigging Awareness Campaign* which was kicked off in December 2021, with the objective of equipping public officials with the relevant knowledge to deter, detect and report bid rigging conduct to the CCBD. This is to ensure tendering or bidding processes are competitive to achieve its intended outcome of good value for money, efficient use of government resources, and to uphold prudent government spending.
5. The interactive dialogue was led by Yang Mulia Dayang Heidi Farah Sia Abdul Rahman, Director of Competition and Consumer Department, Head of Executive Secretariat to the CCBD. Officer in charge of investigation, Dayang Anisah Syakirah binti Haji Anwari also shared examples from real cases to help attendees to gain understanding in detecting suspicious bid manipulation practices and when to report potential collusive behaviour to the CCBD for further assessment or investigation.
6. The attendees were reminded that prevention is better than cure. Hence, it is important to first adopt practical steps to prevent collusive tenders which starts with designing a pro-competition tender. If bid rigging conduct is suspected, procurement officials can file a report to the CCBD by providing relevant information and documents including tender bids, correspondences as well as record of suspicious behaviors and statements.
7. The CCBD welcomes any request for dialogue or briefing to fight bid rigging in public procurement which can be directed to the Executive Secretariat to the CCBD through email at brunei.competition@jpes.gov.bn. For further information, visit CCBD's website at www.ccbd.gov.bn or contact 2233344 ext 230 / 343.



سوروهنجاي قرسايشن برونئي دارالسلام
COMPETITION COMMISSION
BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN MEDIA SURUHANJAYA PERSAINGAN BRUNEI DARUSSALAM

Kempen Menentang Tipuan Bidaan CCBD: Cegah, Kenal pasti dan Lapor

Tarikh: 29 Januari 2022

1. Tipuan bidaan dalam perolehan awam adalah merupakan kesalahan serius yang boleh membawa hukuman denda iaitu penalti sehingga 10 peratus dari perolehan perniagaan bagi tempoh maksimum tiga tahun di bawah Bab 11, Perintah Persaingan 2015. Penender dalam perolehan awam perlu bersaing dengan menghantar tawaran secara bebas iaitu tanpa menyelaras, berkomunikasi atau berpakat dengan para pesaing lain untuk menghadkan atau menghapuskan persaingan dalam proses bidaan atau tawaran tender. Perkara ini ditekankan oleh Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (*Competition Commission Brunei Darussalam* – CCBD) di dalam Sesi Dialog Tipuan Bidaan yang dihadiri oleh pihak pengurusan dan pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Jalan Raya di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, baru-baru ini.
2. Sesi berkenaan turut dihadiri oleh Pengerusi CCBD, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii; Ahli CCBD, Yang Mulia Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim; dan Pemangku Ketua Pengarah di Jabatan Kerja Raya, Yang Mulia Ir. Awang Haji Md Salleh bin Haji Abdul Karim.
3. Tipuan bidaan adalah salah satu aktiviti pakatan sulit atau kartel di mana para penender menyalahi undang-undang dengan melaksanakan

amalan perniagaan yang tidak kompetitif dan seterusnya menghalang atau mengurangkan persaingan di dalam pasaran. Menentang Tipuan Bidaan dalam perolehan awam adalah di antara keutamaan Pelan Kerja CCBD dan akan terus menjadi prioriti agenda dalam tahun 2022, mengambilkira kesan tipuan bidaan yang boleh mengakibatkan bukan sahaja pembaziran sumber Kerajaan, tetapi juga boleh menghalang kemasukan pesaing lain dalam pasaran, dan mengurangkan keyakinan terhadap proses perolehan yang kompetitif.

4. Sesi Dialog tertutup berkenaan adalah sebahagian daripada *Kempen Kesedaran Tipuan Bidaan* yang telah dilancarkan oleh CCBD pada Disember 2021, dengan objektif bagi memperlengkapkan penjawat dan kakitangan awam dengan pengetahuan dan maklumat yang relevan untuk mencegah, mengenal pasti dan melaporkan perlakuan tipuan bidaan kepada CCBD. Ini bertujuan bagi memastikan proses tawaran atau bidaan adalah kompetitif ke arah mencapai hasil yang dihasratkan iaitu mendapatkan nilai yang terbaik, penggunaan sumber kerajaan yang cekap, dan mendokong perbelanjaan kerajaan yang berhemat.
5. Dialog interaktif diketuai oleh Yang Mulia Dayang Heidi Farah Sia Abdul Rahman, Pengarah Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna selaku Ketua Sekretariat Eksekutif CCBD. Pegawai penyiasat, Dayang Anisah Syakirah binti Haji Anwari mengongsikan contoh-contoh sebenar dari kes persaingan untuk membantu para peserta memahami keadaan mengesan perlakuan manipulasi bidaan yang mencurigakan dan melaporkan potensi amalan pakatan sulit kepada CCBD bagi penilaian dan siasatan lanjut.
6. Peserta juga diingatkan bahawa mencegah lebih baik daripada merawat. Oleh itu, adalah penting untuk mengamalkan langkah-langkah praktikal bagi mengelakkan pakatan sulit dalam tawaran tender yang bermula dengan mereka bentuk tawaran yang pro-kompetitif. Jika perlakuan tipuan bidaan disyaki, pegawai-pegawai perolehan boleh melaporkan kepada CCBD dengan memberi maklumat dan dokumen

relevan termasuk tawaran tender, surat-surat serta rekod tingkah laku dan kenyataan yang mencurigakan.

7. CCBD mengalu-alukan sebarang permohonan bagi dialog atau taklimat mengenai menentang tipuan bidaan dalam perolehan awam. Permohonan boleh ditujukan kepada Sekretariat Eksekutif CCBD melalui e-mel di brunei.competition@jpes.gov.bn. Bagi sebarang maklumat lanjut, layari laman sesawang CCBD di www.ccbd.gov.bn atau dihubungi talian 2233344 sambungan 230 atau 343.